

PM selar . pengusaha hotel hanya cari untung

1/1991

Oleh
Azizan Haji Hashim

LANGKAWI 15 Nov. - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyelar sesetengah pengusaha hotel di sini yang lebih mementingkan keuntungan daripada maruah negara semasa menjayakan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA '91).

Perdana Menteri kesal kerana terdapat pengusaha hotel telah mungkir janji apabila gagal memenuhi tempahan bilik-bilik penginapan yang dibuat khususnya untuk peserta LIMA.

"Kita buat tempahan sebelum LIMA lagi, tetapi ada pengusaha

menyatakan mereka telah menerima tempahan dari pelancong. Mereka tidak mahu para pelancong hilang kepercayaan kepada mereka," katanya.

"Oleh itu mereka hanya boleh memberi tempahan bilik yang terhad sahaja," katanya.

"Kita harap bilik-bilik yang dijanjikan itu akan diberi kepada LIMA, tetapi malangnya mereka jual kepada orang lain," kata Perdana Menteri.

Bercakap kepada para pemberita di sini hari ini, beliau berkata, dalam pemiagaan masalah janji tidak boleh dipandang ringan kerana kesannya orang tidak akan percaya lagi dan boleh menjejaskan perniagaan.

Menurut Perdana Menteri, untuk menaikkan sedikit harga ketika orang ramai tentu tidak menimbulkan masalah, tetapi kalau cuba memeras orang sewaktu keadaan terdesak, mereka tidak akan datang lagi.

Mengenai sesetengah pengusaha hotel yang dikatakan meletakkan syarat membayar terlebih dahulu semasa membuat tempahan, beliau berkata, syarat itu tentulah menimbulkan masalah.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, adalah tidak wajar pengusaha-pengusaha hotel mengenakan syarat demikian.

"Saya tahu ada yang membayar sepenuhnya, yang

demikian pihak hotel terus memberi bilik yang ditempah," katanya.

Beliau berkata, pengusaha dan peniaga yang tidak mengikut etika seperti memeras ugut dalam keadaan orang terdesak tidak akan selamat dan am jangka panjang.

Ia akan memberi gambaran yang tidak baik kepada masyarakat Malaysia dan peniaga sendiri, ujarnya.

"Saya amat dukacita kerana kita bekerja keras serta membelanjakan wang yang banyak bagi menjayakan LIMA '91 demi menjaga maruah negara, kerana inilah pertama kali kita berjaya mengadakan pertunjukan luar biasa dengan cemerlang," kata Perdana Menteri.